

Trump Tantrum dan Kejatuhan Nilai Ringgit

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Ringgit sekali lagi mengalami kejatuhan mendadak kebelakangan ini. Kejatuhan kali ini berlatarbelakangkan nilai ringgit yang sudah pun rendah terutama berbanding dengan dolar Amerika (USD). Ringgit mula mengalami penurunan semenjak penghujung bulan Ogos 2014. Pada masa itu purata nilai ringgit adalah di sekitar RM3.16 berbanding USD. Kejatuhan nilai ringgit dan juga lain-lain kebanyakan mata wang dunia adalah disebabkan pengukuhan nilai USD. Pengukuhan nilai USD pula adalah berkaitan dengan kejatuhan harga minyak mentah dunia. Lumrahnya, harga minyak mentah dunia adalah berkadar songsang dengan nilai USD.

Kejatuhan harga minyak secara mendadak ini turut melemahkan arah aliran perdagangan dan pelaburan modal dunia. Ini kerana permintaan untuk barangan dan perkhidmatan dunia terkesan oleh harga minyak yang rendah. Keadaan ini memberi kesan rantaian kepada kebanyakan ekonomi utama dunia dan ekonomi membangun terutama negara-negara perdagangan seperti Malaysia. Keadaan ini berpanjangan sehingga kini. Ringgit berada pada paras terendah sebelum episod kejatuhan kali ini pada bulan Oktober 2015 dengan nilai RM4.41 berbanding USD. Namun ringgit dan lain-lain mata wang asing dilihat telah mula kukuh berbanding USD kerana kebanyakan ekonomi telah berjaya mengimbangi kejatuhan harga minyak. Ringgit telah mencatatkan nilai tertinggi pada kadar RM3.90 berbanding USD pada bulan April tahun ini. Selepas itu ringgit mengalami turun naik pada julat yang kecil sehinggalah ke episod kejatuhan kali ini.

Persoalannya, apakah faktor yang mendorong kejatuhan nilai ringgit kali ini? Malah harga minyak dilihat telah mula stabil di sekitar USD50 setong berbanding paras terendah di bawah USD30 setong pada awal tahun ini sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa membuat pindaan kepada Bajet 2016. Para peniaga dan kerajaan telah

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

membuat pengubahsuaian yang perlu untuk terus berdaya saing di peringkat global. Malah keadaan ini memberi kesan sampingan yang positif kerana peningkatan kecekapan pengeluaran dan lain-lain proses perniagaan.

Maka sudah pasti terdapat kejutan selain dari kejatuhan harga minyak yang menyebabkan kejatuhan nilai ringgit kali ini. Kejutan kali ini adalah kerana Donald Trump memenangi pilihan raya presiden Amerika Syarikat (AS). Kebiasaannya calon-calon presiden sama ada dari parti *Republican* atau *Democrat* di dalam pilihan raya di AS mempunyai kebarangkalian yang sama (50-50) untuk menang. Ianya merupakan kejutan pada kali ini kerana banyak pihak yang menjangka Hilary Clinton akan memenangi pilihan raya presiden. Kebanyakan pungutan suara umum (*poll*) meramalkan Clinton akan memenangi pilihan raya. Kebiasaan juga, keputusan pungutan suara umum di AS adalah amat tepat dan boleh dipercayai. Tetapi pada kali ini ianya meleset.

Para pelabur dan ahli perniagaan yang berkaitan di seluruh dunia sudah pasti telah membuat perancangan dan keputusan yang bersesuaian berdasarkan pungutan suara umum tersebut. Lebih-lebih lagi terdapat perbezaan dasar ekonomi yang ketara di antara kedua-dua calon tersebut. Oleh yang demikian, kemenangan Trump merupakan suatu kejutan di seluruh dunia. Reaksi awal pasaran adalah apa yang digelar '*Trump tantrum*', yakni kemarahan pasaran di atas kemenangan Trump.

Trump tantrum ini memberi kesan kepada pasaran terutamanya melalui pergerakan modal jangka pendek, yang juga dikenali sebagai pelaburan portfolio. Para pelabur membuat perubahan ke atas portfolio mereka. Keadaan ini memberi kesan yang meluas kepada Malaysia kerana kita mempunyai pasaran kewangan yang terbuka di peringkat global. Pelabur asing mempunyai peratusan pegangan yang besar ke atas pasaran bond Malaysia. Sudah pasti mereka membuat rombakan yang bersesuaian terhadap portfolio masing-masing. Permintaan untuk USD meningkat di samping penurunan permintaan untuk ringgit kerana para pelabur mengeluarkan modal mereka dari Malaysia ke lain-lain pasaran terutama ke USA. Justeru nilai ringgit menurun.

Dalam pada itu para pelabur dan spekulator juga turut melabur dalam pasaran hadapan mata wang (*forex*). Para pelabur melabur di dalam pasaran hadapan untuk

perlindungan daripada risiko turun-naik mata wang. Manakala spekulator membuat demikian cuma untuk mengambil keuntungan dari turun-naik nilai mata wang. Tindakan mereka akan memberi kesan terhadap nilai ringgit secara negatif berdasarkan sentimen semasa. Bank Negara di lihat telah mengetatkan kawalan terhadap dagangan ringgit di pasaran luar pesisir ke atas pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forwards* - NDF) untuk mengawal kegiatan spekulasi.

Situasi semasa ini telah melihat nilai ringgit mencecah nilai terendah semenjak Oktober 2015. Ringgit di niaga pada kadar RM4.46 berbanding USD di akhir minggu lepas. Ada di kalangan penganalisis berpendapat nilai tukaran ini masih menurun. Nilai ini adalah nilai terendah ringgit berbanding USD semenjak Januari 1998, semasa Malaysia berhadapan dengan krisis kewangan Asia. Ringgit telah di peg atau di tambat pada kadar RM3.80 berbanding USD pada tahun tersebut untuk mengelakkan ringgit daripada mengalami turun naik yang berterusan. Ringgit di apungkan semula pada tahun 2005 dan nilainya terus kukuh sehingga mencecah paras tertinggi di antara tahun 2011-2012, di dalam lingkungan RM3.00 berbanding USD.

Penurunan nilai ringgit sudah tentu memberi kesan negatif kepada ekonomi, walaupun ada juga kesan positifnya. Kesan positif dari kejatuhan nilai ringgit adalah eksport barangan kita menjadi lebih murah di dalam USD, kerana harga barang di dalam ringgit tidak berubah. Tetapi malangnya pada situasi semasa jumlah kuantiti eksport tidak bertambah, malah menurun kerana keadaan ekonomi rakan dagang Malaysia turut terjejas. Jadi Malaysia tiak mendapat manfaat yang maksimum melalui penurunan harga di dalam USD tersebut.

Pada masa yang sama juga, import negara menjadi semakin mahal di dalam ringgit. Import barangan akhir menyebabkan barangan pengguna menjadi semakin mahal. Sementara import barangan perantaraan yang digunakan sebagai input untuk membuat barangan akhir turut mengalami kenaikan harga di dalam ringgit. Kesannya, kos pengeluaran bertambah, maka barangan akhir turut mengalami kenaikan harga. Selain dari itu, kebanyakan harga barangan secara umumnya akan naik jika nilai USD meningkat berbanding ringgit walaupun tanpa saluran import-eksport seperti di atas. Ianya melalui kesan tidak langsung sebagai sebuah ekonomi terbuka, di mana

kebanyakan harga barangan akan sama di semua negara yang berdagang, iaitu apa yang dipanggil 'hukum satu harga'. Jadi jika ringgit mengalami susut nilai, 'satu harga' tersebut menjadi mahal. Perbezaan harga akan mengundang aktiviti arbitraj yang akan kembali menyamakan harga.